

SAYYID MUHAMMAD BIN ALAWI: PEMIKIRAN TERHADAP INTEGRITI BERAGAMA

Mohd Rozaidi Bin Mohd Rosli

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah
di S.K Bandar Darulaman Jitra, Kedah

Nor Azmawati Binti Abdul Aziz

Pensyarah Undang-Undang Kuliyyah Syariah dan Undang-Undang
di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

ABSTRAK

Status yang tinggi telah diberikan oleh umat Islam terhadap para ulama dan para sarjana Islam sejak dari zaman berzaman lagi. Ianya adalah disebabkan oleh kedudukan eksklusif ulama sebagai pewaris nabi menjadikan mereka sebagai contoh teladan atau *role-model* serta menjadi tempat rujukan dalam pelbagai isu yang berkaitan dengan umat Islam selama ini. Tugas mereka berterusan untuk mendidik, menyampaikan ilmu, mentarbiyyah serta menjadi pendokong dalam meneruskan usaha dan amanah para nabi serta sahabat Rasulullah adalah asas perjuangan para ulama sejak dari zaman silam lagi dan akan berterusan hingga ke akhir zaman.

Penulisan kali ini adalah merupakan kajian ke atas tokoh besar yang disegani di seluruh dunia iaitu Prof. Dr. Sayyid Muhammad bin Alawi Al-Maliki yang mungkin masih ramai di kalangan masyarakat Islam terutamanya di Malaysia belum mengenali beliau serta apakah sumbangan yang telah beliau berikan kepada umat Islam seluruh dunia tidak terkecuali di Malaysia ini samaada dari aspek ilmu, buah fikiran dan pemikiran. Ketokohan, keperibadian dan keilmuan beliau menjadi aspek penting dan menarik untuk dikupas dibawah topik pemikiran integriti beragama ini. Bagaimana dua aspek perbahasan akidah dan tasawuf menjadi intipati satu pemikiran integriti beragamaan yang perlu semua umat Islam khususnya berpegang teguh dan dijadikan panduan. Inilah perjuangan beliau tanpa mengenal erti jemu dan lelah dalam meneruskan perjuangan dan rangka meluaskan dakwah Islam menerusi ilmu yang telah banyak dicurahkan serta idea dan buah fikiran bagi memastikan umat Islam terus berpegang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah S.A.W.

Kata kunci : *pemikiran, integriti, beragama*

PENDAHULUAN

1. Latar Belakang Kajian

Berdasarkan tajuk yang dipilih oleh penulis untuk menjalankan kajian iaitu: Sayyid Muhammad Bin Alawi: Pemikiran Terhadap Integriti Beragama; maka skop kajian penulisan ini adalah berkisar dan menjurus kepada sejarah hidup, sumbangan, pemikiran akidah, tasawuf dan kesufian beliau serta pengorbanan yang telah diberikan semasa hidup Sayyid Muhammad Alawi menerusi sifat-sifat integriti dalam beragama yang perlu ada dalam diri setiap orang. Penulis akan mengupas dalam penulisan ini untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan hayat hidup beliau disamping pemikiran dan pandangan integriti dalam amalan beragama dan amalan kesufian yang telah diterapkan dalam proses pendidikan yang dicurahkan kepada anak didik beliau semasa menuntut ilmu.

Berikutnya penulis akan menjalankan kajian ini menerusi hasil penulisan serta karya-karya yang telah dikarang oleh Sayyid Muhammad Alawi yang berjumlah tidak kurang dari 40 buah karangan yang telah ditebitkan. Karya-karya beliau ini kebanyakannya ditulis di dalam bahasa arab dan ada yang sudah diterjemahkan di dalam bahasa melayu, indonesia, inggeris, urdu dan banyak lagi. Meskipun begitu, penulis hanya akan menumpukan penulisan beliau yang ditulis di dalam bahasa arab dan yang diterjemahkan di dalam bahasa melayu sahaja.

Seterusnya kajian ini akan dijalankan secara bertumpu kepada perbincangan dan wawancara secara terus dengan mereka yang pernah menemui serta bertemu muka dengan Dr. Sayyid Muhammad Alawi semasa hidupnya. Mereka ini adalah dikalangan sahabat, anak murid dan para ulama yang sempat mengutip mutiara ilmu daripada beliau semasa masih hidup. Dengan ini akan dapat membantu untuk memantapkan lagi hasil penulisan ini serta menguatkan lagi fakta berkaitan dengan keperibadian Dr. Sayyid Muhammad Alawi sebagai seorang tokoh yang dihormati lagi disegani. Diantara mereka yang akan penulis bersemuka untuk mendapatkan maklumat mengenai perjalanan hidup Sayyid Muhammad ialah Syeikh

Fuad Kamaluddin Al-Rembawi, Al-Fadhil Ustaz Ahmad Fahmi Zamzam , Syeikh Nuruddin Marbu Al-Banjari Al-Makki dan ramai lagi dikalangan cendiakawan Islam di malaysia ini.

Bagi menambahkan lagi fakta di dalam kajian ini, penulis akan menjalankan pemerhatian dengan melihat sendiri perjalanan beberapa tempat pengajian yang telah mendapat suntikan hasil dari pemikiran Sayyid Muhammad Alawi sehingga tertubuhnya beberapa pusat pengajian hasil dari sumbangan daripada ilmu dan pemikiran beliau selama ini seperti Yayasan Sofa di Negeri Sembilan dan Maahad Tarbiah Islamiah, Derang, Kedah.

i. Objektif Kajian

Beberapa objektif telah digariskan untuk kajian ini iaitu:

1. Mengkaji konsep integriti dan perbincangan definisinya.
2. Meneliti sejarah hidup dan pemikiran tokoh dalam penyampaian ilmu agama dan kehidupan menerusi karya-karya beliau.
3. Menganalisis konsep amanah sebagai nilai teras integriti berdasarkan nilai-nilai positif (mahmudah) dan negatif (madhmumah).
4. Menganalisis dan mengenalpasti kefahaman dan aplikasi integrity pada tempat-tempat pengajian dan tokoh-tokoh yang lahir daripadanya.
5. Mengkaji aspek-aspek pendekatan yang digunakan oleh Sayyid Muhammad dalam pemikiran integriti dalam beragama.

ii. **Kepentingan kajian**

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji dan memahami kedudukan nilai teras integriti berdasarkan ketokohan ulama dalam penyampaian ilmu-ilmu agama kepada masyarakat dan bagaimana pemikiran tokoh dalam ketelusan penyampaian ilmu –ilmu ini menjadi contoh kepada masyarakat. Secara tidak langsung kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan untuk memahami konsep integriti berdasarkan kacamata Rasulullah s.a.w melalui didikan dan ketokohan yang ada pada beliau sebagai *Ahlu-Bait* nabi kita. Kajian seperti ini merupakan satu cara yang sangat penting dalam usaha untuk mengingati kewibawaan, keserjanaan dan menghargai jasa serta sumbangan tokoh-tokoh ulama yang banyak berjasa dalam perkembangan untuk menyebarkan ilmu dan dakwah beliau ke seluruh dunia termasuk di negara kita Malaysia. Kajian ini memungkinan akan memberikan sumbangan kepada masyarakat Islam khususnya di kawasan utara semenanjung Malaysia ini dalam memahami aspek-aspek pemikiran dan juga sumbangan yang telah banyak dilakukan oleh Dr. Sayyid Muhammad bin Alawi selama ini sehingga beliau diiktiraf sebagai tokoh ulama yang banyak memberi sumbangan dan hasil penulisan yang sehingga kini menjadi rujukan kepada ilmuwan Islam dan para pencinta ilmu.

iii. **Metodologi Kajian**

Bagi tujuan sesuatu penyelidikan ilmiah dan penyelidikan, metodologi memainkan peranan yang penting bagi mendapatkan maklumat, data dan fakta secara sistematik. Setelah sesuatu kajian menggunakan metodolgi yang bersesuaian maka sebuah kajian yang baik dan bermutu akan terhasil. Oleh sebab itu, untuk kajian ini beberapa metode akan digunakan oleh penulis bagi memudahkan kajian ini:

a. Metode Penentuan Subjek

Dalam menentukan subjek kajian ini, penulis telah menumpukan kepada perbincangan mengenai pemikiran Sayyid Muhammad berkaitan aspek akidah dan tasawuf. Walaupun terdapat penulisan mengenai pemikiran beliau tetapi lebih tertumpu kepada biodata dan sejarah hidup. Pengkaji memilih Sayyid Muhammad sebagai tokoh untuk dikaji tentang pemikirannya berikutan sumbangan dan jasa yang telah banyak diberikan terhadap dunia Islam tidak terkecuali di Malaysia. Dikenali sebagai ulama yang menguasai bidang hadis dan seorang tokoh yang sederhana di dalam pemikiran dan tindakan tetapi tetap tegas dengan akidah ahli sunnah wal jamaah.

b. Metode Pengumpulan Data

Bagi tujuan pengumpulan data dalam kajian ini, teknik atau metode yang digunapakai adalah cara atau kaedah yang selalu digunakan oleh para pengkaji. Untuk itu, penulis akan berusaha mendapatkan data-data yang boleh dipercayai semoga kajian ini dapat dinilai dari aspek kebolehpercayaan dan diterimapakai. Penulis akan menggunakan beberapa metode bagi proses pengumpulan data iaitu metode dokumentasi, metode wawancara, metode pemerhatian dan metode analisa.

c. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi membawa maksud cara penyampaian data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan dengan masalah yang diteliti. (Abd Halim Mat Diah, 1987: 115). Manakala dokumen bermaksud benda-benda bertulis yang dapat memberi keterangan tertentu terhadap sesuatu. (Imam Barnadib, 1982: 52).

Metode ini digunakan bertujuan bagi meneliti versi-versi karya dan hasil penulisan Sayyid Muhammad yang telah dicetak termasuk yang telah diterjemah di dalam bahasa melayu.

Termasuk juga penulisan yang berkaitan dengan sejarah hidup serta hasil penulisan beliau yang dikumpulkan oleh beberapa penulis mengikut tajuk dan bab tertentu. Metode ini dilakukan di beberapa perpustakaan utama antaranya adalah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perpustakaan Universiti Utara Malaysia (UUM), Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan beberapa perpustakaan yang lain.

d. Metode Wawancara / Temubual

Selain daripada metode dokumentasi, metode wawancara atau temubual turut digunakan bagi membuat penyelidikan ini. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara terus dengan mendatangkan objek yang dipilih dengan diwawancara untuk diteliti dan dikaji serta kesimpulan jika perlu.

Menerusi metode ini, penulis akan menemubual beberapa individu untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan latar belakang kehidupan Sayyid Muhammad supaya mendapat maklumat yang lebih jelas menerusi mereka yang rapat dan pernah menuntut ilmu dengan beliau. Di antara individu yang akan ditemubual penulis ialah Syeikh Fuad Kamaluddin yang merupakan salah seorang anak murid beliau yang kini menetap di Rembau, Negeri Sembilan. Selain itu, penulis akan mewawancara Ustaz Ahmad Fahmi Zamzam yang mendapat gelaran Al-Maliki daripada Sayyid Muhammad yang kini menetap di Derang, Kedah.

e. Metode Observasi

Metode Observasi memberi maksud cara pengumpulan data berdasarkan pengamatan seseorang itu secara langsung terhadap objek penelitian tersebut. Usaha pengamatan atau observasi yang cermat dianggap sebagai penelitian yang amat sesuai bagi para ilmuwan terutamanya dalam bidang ilmu-ilmu sosial. (Imam Barnadib: 1982: 51). Menerusi kaedah ini penulis akan membuat tinjauan dan pengamatan di Sekolah Tinggi Islam As-Sofa, Negeri

Sembilan dan Maahad Tarbiah Islamiah, Derang, Kedah dan juga di Kolej Universiti Insaniah, Kedah untuk melihat sumbangan yang telah diberikan oleh Sayyid Muhammad di sana.

f. Metode Analisis Data

Dalam hal untuk mengumpul dan menganalisis data di dalam kajian ini penulis menggunakan metode analisis secara diskriptif kuantitatif yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu: Metode Induktif, Metode Deduktif dan Metode Komparatif

iv. Takrifan Tajuk/Definisi Kajian

Di sini penulis huraikan secara ringkas mengenai takrifan tajuk untuk kajian ini yang bertajuk “Sayyid Muhammad Alawi Al-Maliki: Pemikiran Integriti Beragama” supaya lebih jelas dari segi makna dan pemahaman.

Sayyid Muhammad merupakan tokoh ulama terbilang abad ke-21. Berasal dari keluarga yang mempunyai salasilah keturunan dengan Rasulullah. Lahir di Kota Mekah dan mendapat pendidikan awal daripada ayahnya sendiri sebelum melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir. Banyak terlibat dalam penulisan dan pengajaran ilmu terutamanya ilmu hadis, akidah dan tasawuf.

Analisa atau analisis pula bermaksud menghuraikan atau pengupasan sesuatu perkara untuk mengetahui selok-beloknya samada baik atau buruk sesuatu kajian. (Kamus Dewan , 1989 : 37). Maka dalam kajian ini penulis akan menghuraikan perkara-perkara berkaitan dengan pemikiran dalam beragama melalui akidah dan tasawuf Sayyid Muhammad menerusi kajian yang diteliti terhadap hasil-hasil karya beliau berkaitan kedua-dua aspek tersebut.

Integriti mengikut kamus dwibahasa Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1985 ialah ‘ kejujuran dan ketulusan’, ‘kesempurnaan’, ‘keutuhan’. Ini bermaksud integrity adalah sifat “ jati diri” yang merangkumi juga keihlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pagang cakupannya dan lain-

lain sifat mulia. Umumnya integrity itu merangkumi tatakelakuan yang melibatkan isu-isu nilai, etika dan pegangan agama seseorang.

Agama/akidah merupakan kepercayaan yang dianuti oleh seseorang yang memberi makna tentang ilmu yang berkaitan dengan soal ketuhanan. Membincangkan perkara-perkara mengenai pegangan dan kepercayaan umat Islam seperti mana kita percaya dan beriman bahawa Allah itu ada dan Rasulullah itu pesuruh Allah. (Muhammad Fuad, 2009 : 8).

Tasawuf pula merujuk kepada satu ilmu berkaitan dengan penyucian jiwa untuk mendekatkan diri kepada Allah melalui penyucian diri dan pendidikan rohani. (Rohimuddin Nawawi , 2009 : 21). Untuk itu kajian ini akan menghuraikan dan menjelaskan isu-isu berkaitan dengan akidah dan tasawuf berdasarkan pemikiran Sayyid Muhammad untuk dikaji dan diselidiki yang mana ianya disampaikan dengan penuh amanah dan berintegriti kepada anak-anak murid beliau dan seterusnya kepada masyarakat.

2. Biografi Tokoh

i. Nama dan Keturunan

Nama penuh beliau ialah Sayyid Muhammad al-Hasan Bin Sayyid Alawi Bin Sayyid Abbas Bin Sayyid Abdul Aziz Bin Sayyid Abbas Bin Sayyid Abdul Aziz Bin al-Arif Billah Sayyid Muhammad al-Maliki al-Makki al-Hasani al-Idrisi. (Ahmad Fahmi, 2005: 17). Sayyid Muhammad berasal dari keturunan mulia yang bersambung nasab keturunan kepada Rasul S.A.W menerusi Sayyidina Hasan cucunda Rasulullah S.A.W. Berasal dari keturunan yang mulia iaitu keturunan Sayyid Idris al-Azhar Bin Idris al-Akbar Bin Abdullah al-Kamil Bin Hsan al-Muthanna Bin Sayyidina Hasan Bin Sayyidina Ali suami kepada Sayyidah Fatimah al-Zahra' Binti Rasulullah S.A.W dan terkenal sebagai keluarga ulama di Makkah al-Mukarramah. (Fuad Kamaluddin, 2008: 2). Bahkan semua keturunan beliau merupakan di kalangan ulama-ulama yang disegani.

Dalam hal ini Sayyid Muhammad pernah mengungkapkan seuntai syair berkenaan kemuliaan keturunan beliau yang berbunyi:

سید عالم ابی ثم جدی #

هكذا هكذا إلى المختار

Ertinya: “Dari ayahku kemudian datukku dan seterusnya sampai kepada al-Mukhtar (Rasul S.A.W) adalah dikalangan orang-orang alim”. (Ahmad Fahmi, 2005: 18).

Beliau menegaskan bahawa enam keturunan beliau terdiri daripada kalangan ulama. Nendanya yang pertama Sayyid Abbas, yang kedua Sayyid Abdul Aziz, yang ketiga Sayyid Abbas, yang keempat Sayyid Abdul Aziz, yang kelima Sayyid Muhammad al-Maliki, yang keenam Sayyid Abdul Aziz yang semuanya adalah orang alim dan menjawat jawatan imam dan khatib di Masjidil Haram. (Fuad Kamaluddin, 2008: 3).

Maka jika diperhatikan disini, kita dapati sememangnya Sayyid Muhammad berasal dari golongan ulama yang terkenal dan disegani dengan keperibadian ilmu serta akhlak yang mulia yang berasal dari tanah haram Makkah al-Mukarramah. Justeru itu, tidak hairanlah lahirnya insan mulia seperti beliau yang meneruskan usaha dan tradisi dakwah dengan ilmu yang dipelopori oleh datuk-datuknya sebelum ini.

ii. Kelahiran Sayyid Muhammad Alawi

Sayyid Muhammad dilahirkan pada tahun 1946 di kota suci Makkah dan lahir dalam keluarga mulia berketurunan al-Hasani. (M.A Uswah. 2010: 137).

Fahmi Zamzam (2008: 18) menyatakan Sayyid Muhammad dilahirkan di rumah ayahnya sendiri di kawasan *Bab al-Salam* di kota Makkah dan menurut wawancara eksklusif yang dilaksanakan oleh *Akhbar Okaz* yang merupakan akhbar tertua di Makkah, beliau

menyatakan bahawa beliau dilahirkan pada 1367 H walaupun dicatat di dalam surat lahir lebih awal dua tahun dari tarikh tersebut pada tahun 1365 H.

Manakala menurut Fuad Kamaluddin (2008:2) Sayyid Muhammad berasal daripada keturunan Rasulullah S.A.W dan beliau dilahirkan pada tahun 1365 H bersamaan 1946 M di kota Makkah di rumah bapanya berhampiran *Bab al-Salam*.

iii. Kewafatan

Salah seorang muridnya menceritakan tentang Sayyid Muhammad bahawa beliau telah dimasukkan ke hospital pada petang Rabu tanggal 13 Ramadhan 1425 H. Ketika itu beliau merasa kurang sihat setelah diperiksa, doktor menyatakan kadar gula di dalam badan beliau tinggi melebihi kadar biasa. Kemudian, beliau ditahan di wad selama 24 jam pada hari tersebut. Setelah paras gula kembali normal beliau dibenarkan pulang ke rumah dan kelihatan beliau mampu berjalan dengan sendiri seperti biasa.

Pada malam kematiannya, beliau kelihatan terlalu gembira dan ketawa dalam keadaan yang belum pernah dilihat sebelum ini oleh orang-orang yang rapat dengannya Bahkan beliau berguran senda dengan keluarga dan cucu-cucunya. (M.A Uswah. 2010: 145).

Setelah bertungkus lumus memerah tenaga dan keringat dalam menyampaikan ilmu Allah pada zaman yang mencabar ini, akhirnya beliau dijemput oleh Allah untuk kembali ke sisi-Nya. Sayyid Muhammad telah wafat pada waktu sahur, hari Jumaat 15 Ramadhan 1425 H bersamaan 29 Oktober 2004 M ketika berusia 60 tahun. (Fuad Kamaluddin, 2008: 189). Kematian Sayyid Muhammad telah ditangisi dan diratapi oleh seluruh umat Islam seluruh dunia yang mengenali serta pernah mengutip mutiara ilmu daripada beliau. Kemudian, jenazah beliau telah disembahyangkan di Masjidil Haram yang selepas itu diiringi hampir seramai 200,000 manusia ke tanah perkuburan *Ma'la*.

Beliau meninggalkan seramai 7 orang anak lelaki. Mereka ialah Abdul Wahab; meninggal dunia semasa kecil. Ahmad anak kedua yang kini mengambil alih tugas beliau. Ketiga Abdullah, Alawi, Ali, Hasan dan Husain serta beberapa orang anak perempuan yang meneruskan tradisi ilmu dan kesempurnaan Akhlak yang baik. (Fuad Kamaluddin, 2008: 190).

NILAI INTEGRITI BERAGAMA DALAM PEMIKIRAN ILMUAN

Integriti merupakan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten dengan disertakan komitmen secara menyeluruh samaada melalui perkataan ataupun tindakan yang mampu menghasilkan kecemerlangan diri dan organisasi (Jamiah Manap, 2005). Ia merupakan sebahagian daripada unsur pendidikan dan penerapan nilai-nilai positif (*mahmudah*) dan tegahan melakukan nilai-nilai negatif (*mazmumah*). Kefahaman mengenai integriti banyak bersumberkan dari nilai, etika dan prinsip-prinsip akhlak Islam yang diadaptasi melalui hadith Nabi S.A.W atau al-Sunnah. Hal ini amat terselah apabila membicarakan ketokohan yang ada pada susuk tubuh keturunan Rasulullah S.A.W terutamanya ketokohan dan pemikiran beliau yang penuh integriti dalam kehidupan seharian dan dalam usaha dakwah beliau.

Sayyid Muhammad Alawi merupakan salah seorang tokoh ilmuwan Islam yang amat disegani lagi dihormati oleh para pencinta ilmu di seluruh dunia. Beliau juga merupakan antara tokoh penting bagi abad ke- 20. Lahir di Kota Suci Mekah di dalam keluarga yang menitik beratkan ilmu dan adab dalam menuntut ilmu. Maka beliau amat dikenali sebagai seorang yang tegas semasa majlis ilmu diadakan dan guru mesti dihormati oleh murid dalam sesuatu majlis ilmu. Sayyid Muhammad juga digelar al-Hasani, ini disebabkan beliau merupakan salah seorang *ali bait* Rasulullah S.A.W yang bersambung keturunannya melalui bapanya Sayyid Alawi terus kepada cucunda Rasulullah S.A.W iaitu Sayyidina Hasan; putera kepada Sayyidina Ali yang merupakan *khulafa rasyidin* hasil perkahwinan dengan puteri Rasulullah Saidatina Fatimah binti Muhammad. (Ahmad Fahmi, 2005: 17)

Daripada latar belakang keluarga beliau, kita dapati bahawa Sayyid Muhammad adalah tokoh yang penting untuk kita ketahui serta selidiki mengenai kisah hidup dan perjalanan beliau menuntut ilmu ke seluruh dunia daripada para ulama' yang terkenal lagi dihormati. Perjalanan mencari ilmu ke India, Pakistan, Mesir, Maghribi, Yaman dan banyak lagi negara membuktikan betapa beliau amat gigih dan bersungguh mengutip mutiara ilmu daripada ilmuwan Islam di serata dunia tanpa mengenal keletihan serta penat lelah sepanjang penglibatan beliau di dalam usaha menuntut dan mencari ilmu. (Fuad Kamaluddin, 2008: 65). Ketokohan, keperibadian dan keilmuan menjadi aspek penting serta menarik mengapa Sayyid Muhammad dipilih sebagai tokoh utama dalam dua aspek integriti beragama dalam perbahasan akidah dan tasawuf menerusi pemikiran beliau.

Sayyid Muhammad merupakan ulama besar yang lahir di Mekah. Kelahiran beliau ibarat sebutir permata yang menyinari muka bumi. Berasal daripada keturunan yang mulia, beliau pernah mengatakan dengan penuh syukur dan nikmat, "Daripada ayahandaku, kemudian nendaku, dan seterusnya sampai kepada Rasulullah S.A.W adalah mereka yang terpilih, mereka adalah penghulu dan orang alim". Beliau mewarisi sifat seorang ulama daripada ayahanda beliau sendiri, Sayyid Alawi yang juga merupakan ulama terkenal di Mekah. (Fuad Kamaluddin, 2008: .3)

Ramai di kalangan umat Islam di Malaysia amat mengenali tokoh-tokoh seperti Imam as-Syafie, Imam Malik dan lain-lain disebabkan ketokohan mereka di dalam bidang fiqh. Manakala Sayyid Muhammad diakui sebagai tokoh yang alim dan mahir mengenai ilmu fiqh di dalam empat mazhab. Ini terbukti apabila beliau diiktiraf oleh ramai ulama sebagai salah seorang yang terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran di dalam bidang fiqh.

Beliau juga pernah mengatakan bahawa ("Saya adalah anak kepada mazhab yang empat"). Oleh itu, tidak timbul isu menganut fahaman yang tidak bermazhab atau membuta tuli ketika beliau mengeluarkan hukum. Benarlah seperti apa yang terkandung dalam buku Sheikh

Yusuf Qardhawi, *Kaifa Nata'amal Bil Khilaf Mazahib* (Bagaimana Beramal dengan Kepelbagaian Mazhab), tidak akan timbul sebarang konflik atau pertengkaran jika seseorang itu memahami kepelbagaian mazhab. (Fuad Kamaluddin, 2008: 5)

Beliau mendapat jolokan “*Muwatta’* berjalan” kerana kepakarannya yang mendalam dalam memahami kitab hadith yang unggul ini. Dalam konteks hari ini, adalah mustahil untuk menemui ulama seperti beliau. Seterusnya ialah kecintaan mendalam beliau terhadap bidang ilmu. Syeikh Fuad menerusi bukunya, *Manaqib Tiga Permata Masjidil Haram*, memetik kenyataan Sayyid Muhammad (“Sesungguhnya aku tidak mampu hidup tanpa mengajar. Aku tidak merasa gembira bahkan semasa bermusafir kecuali dengan menyampaikan ilmu dan menghadiri halaqah- halaqah ilmu”). Beliau juga amat mencintai ilmu dan sering berusaha untuk meningkatkan keilmuannya. Beliau mengisi waktu rehatnya dengan ilmu untuk beroleh ketenangan. Begitulah keperibadian tinggi yang ditunjukkan oleh seorang ulama bagi memartabatkan ilmu di dalam diri dan masyarakat.

Bagi Sayyid Muhammad beliau bukan setakat mencintai ilmu, tetapi beliau juga memuliakan ilmu dan adab-adab ketika menuntut ilmu amat diambil berat oleh beliau semasa majlis ilmu dijalankan. Beliau juga menyatakan bahawa ilmu merupakan suatu perkara yang amat mulia dan berharga dan ianya tidak sepatutnya diletakkan melainkan di tempatnya serta tidak diberikan kepada orang yang tidak layak (yang mempunyai hati yang busuk ataupun tidak ikhlas). Oleh itu bukanlah suatu perkara yang mudah untuk seseorang itu diterima belajar di madrasahnyanya, sehinggalah beliau mewajibkan anak muridnya supaya menunaikan solat sunat istikhrah sebelum memulakan pengajian. Beliau sering mengatakan bahawa, (“Saya tidak akan menerima seseorang itu belajar dengan saya kecuali dengan isyarat (iaitu daripada Allah”). (Fuad Kamaluddin: 2008, h.146)

Kegigihan beliau dalam menuntut ilmu terbukti apabila Sayyid Muhammad telah menyempurnakan ijazah di peringkat Kedoktoran dalam bidang hadith dari Universiti Al-

Azhar dengan keputusan Mumtaz ketika berusia 25 tahun. Tesis yang ditulis oleh beliau telah mendapat pujian dan sanjungan besar dari ulama-ulama besar Azhar, seperti Imam Muhammad Al Sayis, Sheikh Muhammad Abu Zuhrah dan lain- lain. Dalam pada itu, beliau juga dikhabarkan telah menghafaz Al-Quran ketika berusia tujuh tahun dan menghafaz kitab *Al Muwatta'* ketika berusia 15 tahun. (Ahmad Fahmi, 2005, 10)

Sayyid Muhammad telah meninggalkan warisan berupa kitab-kitab karangan beliau yang berjumlah hampir 100 buah dalam pelbagai disiplin kepada kita. Antara kitab yang paling masyhur ialah '*Mafahim Yahibu 'an Tusohhah*' (Kefahaman yang Wajib Dibetulkan) yang telah menerima pujian daripada 50 orang ulama Islam dari seluruh dunia Islam. Beliau sendiri menganggap buku tersebut sebagai sesuatu yang istimewa, dengan mengatakan, "Kitab karangan saya yang paling akrab dengan saya ialah "*Mafahim Yahibu 'an Tusohhah*". Buku ini sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Syeikh Fuad Kamaluddin. (Fuad Kamaluddin, 2008: h.34-35)

Dalam usaha memahami persoalan akidah masyarakat Islam hari ini yang amat terdedah dan sebahagiannya telah terpengaruh dengan pelbagai aliran pemikiran dan mazhab-mazhab di dalam Islam. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh para ulama Islam bagi memurnikan akidah daripada penyelewenga terutamanya dalam persoalan akidah yang dipengaruhi dengan pemikiran ahli falsafah dan ahli kalam yang turut sama membahaskan mengenai perbahasan tentang tauhid. Hal ini turut sama dan diberi penekanan oleh Sayyid Muhammad dalam sumbangan ilmu dan pemikiran beliau sebagai tokoh ilmuan dalam mempertahankan akidah Islam yang murni. Beberapa karya beliau yang membahaskan dengan penuh keikhlasan, tulus, amanah dan penuh integriti dalam membahaskan akidah ahli *Sunnah Wal-Jamaah* sebagai panduan hidup. Antara kitab beliau yang masyur ialah *Mafahim Yahibu 'an Tusohhah, Manhaj as-salaf fi Fahm an-Nusus, At-Tahzir min at-Takfir, Huwa ALLAH, Qul Hazih Sabeeli, Syarah Aqidatul Awam* dan banyak lagi.

Ilmu tasawuf pula bukan satu perkara atau disiplin ilmu yang baru dalam perkembangan ilmu-ilmu Islam. Bahkan telah lama bertapak sejak zaman perkembangan dakwah Islam lagi. (Badli Hisham, 2004: 140). Tasawuf adalah ilmu yang membincangkan perkara-perkara hati ke arah mendekatkan diri antara hamba kepada pencipta iaitu Allah SWT. (Zulkifli, 2009: 5).

Sememangnya ilmu tasawuf telah memberi sumbangan besar dan memainkan peranan yang penting terhadap kehidupan dari segi rohani dan intelektual. Di dalam masyarakat kita peranan tasawuf telah banyak memberi pengaruh ke arah membentuk sikap dan tingkahlaku. Ini kerana tasawuf pada asasnya merupakan ajaran untuk mendekatkan diri kepada pencipta iaitu Allah S.W.T melalui pengalaman kerohanian antara manusia dan pencipta. Pemahaman tasawuf antara seorang ahli sufi dengan ahli sufi yang lain adalah berbeza samada yang mudah difahami oleh masyarakat umum mahupun sebaliknya. Namun matlamat pengalaman kesufian ini adalah sama untuk mendekatkan diri menyucikan diri manusia sebagai hamba kepada tuhan yang mencipta iaitu Allah. (Mohd Sulaiman, 1997: 50). Maka ajaran tasawuf perlu difahami dan dikaji supaya dapat difahami dengan lebih mendalam seperti yang dipelopori oleh golongan ahli sufi. Hal ini jelas wujud dalam *manhaj* ataupun metode pemikiran Sayyid Muhammad yang mana lebih cenderung terhadap tradisi ilmu berasaskan akidah dan juga kesufian. Maka tidaklah mustahil dari berikutan tersebut, ada yang melontarkan tohmahan mengatakan beliau sesat dan meneruskan pengajian ilmu yang tidak berasas daripada bapanya Sayyid Alawi. Sedangkan terdapat banyak kajian dan penulisan yang menyingkap dan menghuraikan mengenai pegangan akidah beliau yang bermazhab *Asya'irah* samada mazhab ini diterima oleh para ilmuwan Islam yang lain. Sesungguhnya sejarah hidup dan asas-asas pemikiran beliau terutamanya perkara berkaitan akidah dan tasawuf ini telah diwarisi daripada bapanya sehingga bersambung kepada Rasulullah S.A.W melalui *sanad* dan riwayat yang sahih dan diperakukan oleh para sarjana Islam. Sama sekali tidak bercanggah dan bertentangan. Antara karya agung penulisan tasawuf beliau yang menjadi rujukan ialah *Shawariq al-anwar*

min Ad'iyat al-sadah al Akhyar, Abwab al-Faraj, Al-Mukhtar min Kalam al-Akhyar, Al-Husun al-Mani'ah , Mukhtasar Shawariq al-Anwar dan banyak lagi.

Kebanyakan tuduhan dan tohmahan beliau terima adalah daripada masyarakat di sekitar tanah kelahiran beliau sendiri iaitu di Kota Mekah tanpa ada yang mahu menyelidiki apakah pemikiran beliau ini selari dengan al-Quran dan al-Sunnah serta sejajar dengan *manhaj* yang dibawa oleh para ulama sebelum ini. Sesungguhnya Sayyid Muhammad sangat dikenali seluruh dunia oleh umat Islam dan para ulama Islam yang telah mengiktiraf beliau sebagai *Muhaddith al-Haramain*. Ini berikutan kepakaran beliau dalam bidang hadith sehingga beliau mendapat gelaran *al-Muhaddith* dikalangan para ilmuwan Islam dan dikenali oleh para ulama dunia disebabkan kepakaran beliau di dalam bidang hadith dan penguasaan beliau dalam ilmu hadith yang tidak perlu dipertikaikan lagi.

Renteten daripada situasi dan fenomena inilah yang mendorong penulis untuk mengkaji perkara-perkara berkaitan dengan integriti di dalam pemikiran beragama khususnya dalam bab akidah dan tasawuf yang dibawa oleh Sayyid Muhammad serta apakah keistimewaan pendekatan beliau sehingga menarik minat untuk dikaji berikutan sejumlah ramai anak didik beliau yang meneruskan perjuangan beliau menerusi perkembangan ilmu.

Tidaklah keterlaluan untuk mengatakan bahawa integriti itu sebenarnya boleh dicapai melalui ketinggian integriti seseorang seiring dengan keimanan di jiwa yang menjadi tonik paling mujarab bagi membentengi kita daripada terjebak dalam perkara-perkara yang merugikan diri sendiri, agama, organisasi dan negara. Ketokohan yang ada pada Dr. Sayyid Muhammad Bin Alawi jelas sekali tampak pada keperibadian dan ilmu yang ada pada beliau yang disampaikan kepada kita dengan penuh kejujuran dan ketelusan supaya perjalanan hidup kita ini lebih terarah dan seiring dengan syariah Islamiah.

KESIMPULAN

Sesungguhnya menganalisis fakta-fakta berkaitan dengan sufi atau kesufian dan juga berkaitan dengan isu-isu akidah yang telah diutarakan oleh Sayyid Muhammad sepanjang usaha beliau membawa umat Islam kepada akidah yang benar yang sering menjadi pertelingkahan di kalangan umat Islam. Terdapat banyak pendapat-pendapat dan kupasan-kupasan ilmiah beliau mengenai akidah Islam berdasarkan nas-nas daripada al-Quran dan as-Sunnah supaya jelas mengenai pemikiran akidah untuk panduan kita hari ini tanpa sedikit pun keraguan padanya.

Justeru dengan mengkaji dan meneliti pemikiran Sayyid Muhammad yang merupakan salah seorang tokoh terbilang ulama abad ke-21 beserta dengan hasil-hasil karya beliau yang terus menjadi bahan rujukan akan dapat menjawab permasalahan berkaitan pemikiran akidah dan tasawuf Sayyid Muhammad untuk dipersembahkan kepada masyarakat masa kini.

Dengan meneliti dan mengkaji aliran akidah dan tasawuf yang dipegang oleh Sayyid Muhammad ini juga dapat memantapkan lagi pemahaman di dalam bidang akidah dan tasawuf yang sememangnya sesuai dan relevan digunapakai oleh masyarakat Islam sekarang. Sesungguhnya menerusi hasil penulisan serta karya-karya yang telah dikarang oleh Sayyid Muhammad Alawi yang berjumlah tidak kurang dari 40 buah karangan yang kemudiannya telah diterbitkan, kebanyakannya adalah ditulis di dalam bahasa arab dan ada yang sudah diterjemahkan di dalam bahasa melayu, indonesia, inggeris, urdu dan banyak lagi.

Sesungguhnya melihat sendiri perjalanan beberapa tempat pengajian yang telah mendapat suntikan hasil dari pemikiran Sayyid Muhammad Alawi sehingga tertubuhnya beberapa pusat pengajian hasil dari sumbangan daripada ilmu dan pemikiran beliau selama ini seperti Yayasan Sofa di Negeri Sembilan dan Maahad Tarbiah Islamiah Derang, Kedah, maka sangat terbukti bahawa Sayyid Muhammad adalah tokoh yang sesuai untuk dikaji tentang pemikirannya khusus dalam bab integriti beragama berikutan sumbangan dan jasa yang telah

banyak diberikan terhadap dunia Islam tidak terkecuali di Malaysia ini. Dikenali sebagai ulama yang menguasai bidang hadis dan seorang tokoh yang sederhana di dalam pemikiran dan tindakan tetapi tetap tegas dengan akidah ahli *Sunnah wal Jama'ah*.

Sesungguhnya pemergian beliau merupakan kehilangan besar permata ilmu. Beliau meninggal dunia pada waktu sahur hari Jumaat, 15 Ramadan 1425 bersamaan 29 Oktober 2004 ketika berusia 60 tahun. Ketika dibawa jenazah beliau, ratusan ribu manusia mengiringi jenazahnya ke kubur, dengan tangisan, takbir dan tahlil. Sayyid Thantawi yang merupakan Syeikh al-Azhar dengan sedihnya mengatakan, ("Kewafatan Sheikh Maliki bukan sahaja merupakan kehilangan bagi Kerajaan Arab Saudi, tetapi juga merupakan kehilangan untuk seluruh alam, umat ini dan negara- negara Islam"). (Fuad Kamaluddin, 2008 :78)

RUJUKAN

- Abd Halim Mat Diah. (1987). *Satu Contoh Dalam Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
- Abdul Halim Mahmud. (2004). *At- Tasawuf Al-Islami*. Kaherah: Matba'ah Madani.
- Ahmad Fahmi Zamzam. (2005). *Sayyid Muhammad Bin Alawi Al-Maliki Al-Hasani*. Pustaka Darussalam.
- Al-Bhuti, Muhammad Said Ramadhan. (1998). *Ma'an Naas*. Beirut: Darul Fikr .
- Al-Qadi, Saad. (2001). *Sayyidina Al-Hasan Bin Ali*. Kaherah: Dar Gharib.
- Al-Qasthalani, Ahmad Bin Muhammad. (1995). *Khususiat Al-Rasul*. Kaherah: Wisma Kalimantan Mesir.
- Al-Quran dan Terjemahan, (1971). Yayasan Penyelenggaraan Penterjemahan /Pentafsir Al-Quran.
- Al-Taftazani, Abu al-Wafa. t.t. *Madkhal Ila al-Tasawuf al-Islami*. Kaherah: Darul al-Ma'rifah.
- As-Sayyid, Ahmad Zaini Dahlan.(2004). *Ad-Durar As-Sanniah Fil Raddi A'la Al-Wahabiyyah*. Kaherah: Darul Quds Littiba'ah.
- Badli Hisham mohd Nasir (2004), *al-Tasawwuf wa Dauruhu fi Itriqa bi Harakati al-Da'wah fi Maliziya, Islamiyyat*. (Jurnal Antarabangsa-UKM) Vol.26. Bil 2
- Imam Barnadib, (1982). *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*.Yogjakarta: Yayasan Percetakan FIP IKIP.
- Koenjangrat, t.t. *Method-method Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T Gramedia.
- Jamiah Manap, *Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf berkualiti*, Seminar Kebangsaan sumber manusia, Universiti Teknologi Malaysia, (2&3 Februari 2005)

- M.A Uswah (2010), *Ulama Warisan Rasulullah, Bibliografi Ulama Habaib*, Kuala Lumpur InTEAM Publication
- Mohd Sulaiman Haji Yasin.(1997). *Mengenal Ilmu Tasawuf*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad Fuad Bin Kamaluddin. (2008). *al-Maliki Ulama Rabbani Abad Ke-21* . Kuala Lumpur: Sofa Production.
- Muhammad Fuad Bin Kamaluddin. (2008). *Manaqib Tiga Permata Masjid al-Haram*. Kuala Lumpur: Sofa Production.
- Muhammad Fuad Bin Kamaluddin. (2009). *Karya-Karya Aqidah Prof. Dr. Sayyid Muhammad Bin ‘Alawi Al-Maliki Al-Hasani*. Kuala Lumpur: Sofa Production.
- Muhammad Fuad Bin Kamaluddin. (2009). *Maqalat al-Imam al-Maliki fi Maidan al-Aqidah* . Kuala Lumpur: Sofa Production.
- Muhammad Fuad Bin Kamaluddin. (2009). *Aqidah Islam*. Kuala Lumpur: Sofa Production.
- Muhammad Nuruddin. (1997). *Maa’ Auliya Allah As-Sholihin*, juz :1. Kaherah.
- Muhammad Rejab Bayyumi. (1424 H). *Aswaqul Arifin Safhat Min Tarikh As-Sufiah*. Kaherah: Majalah Al-Azhar.
- Sayyid Muhammad Bin Alawi. (2008). *Notions That Must Be Corrected : English Translation of Mafahim Yajib an Tusahhah*. Sunni Publication.
- Sayyid Muhammad Bin Alawi, t.t. *Syawariq al- Anwar*. Kaherah: Darul Kalim Wal Jawami’.
- Sayyid Muhammad Bin Alawi. (1424 H). *Az-Ziarah An-Nabawiyyah*. Kaherah: Darul Jawami’ Al-Kalim.
- Zakaria Bin Ahmad Wan Besar. (2009). *Al-Jawahir Al-Sufiah*. Kuala Lumpur: Mahzum Book Services.
- Zaki Ibrahim. (2003). *Maraqid Ahlul Bait Fil Qahirah*. Kaherah: Darul Ihya’ At-turas As-Sufi.

Laman Web/Internet

Ayahanda Sayyid Muhammad Alawi.(2010).Dipetik dari
<http://lautanahlisunnah.blogspot.com/tuesday24august2010>

Muahaddith al-Haramain.(2004).Dipetik dari <http://al-majalis.com/forums/viewtopic.php?t=861>

Pengakuan Cinta Rasul.t.t.Dipetik dari
<http://www.facebook.com/topic.php?uid=83830323214&topic=13286>